## SYARAT UMUM LOT KEDAI DI PREMIS KERAJAAN

| BIL | PERKARA | BUTIRAN |
|---|---|---|
| **1.** | **Kelayakan Penyewa** | a. Warganegara Malaysia<br>b. Berdaftar dengan SSM<br>c. Tiada rekod jenayah / kes penipuan<br>d. Tidak disenaraihitam oleh mana-mana agensi kerajaan<br>e. Keutamaan kepada pengusaha yang berpengalaman dalam bidang makan dan minum/pengurusan kedai makan |
| **2.** | **Dokumen Wajib** | a. Salinan SSM (ROB/ROC/LLP)<br>b. IC pemohon<br>c. Profil syarikat / pengalaman<br>*d.* Cadangan perniagaan (*business proposal)*<br>e. Lesen berkaitan (jika perlu) |
| **3.** | **Syarat Sewaan & Kewangan** | a. Bayaran sewa bulanan seperti ditetapkan<br>b. Deposit keselamatan (**3 bulan sewaan bulanan)**<br>c. Kontrak selama **3 tahun.** Boleh dipertimbangkan untuk pelanjutan<br>d. Tidak boleh sublet tanpa kebenaran bertulis |
| **4.** | **Syarat Operasi** | a. Waktu operasi bermula 7.00 pagi hingga 6.30 petang<br>b. Pekerja perlu berpakaian sopan & berdisiplin<br>c. Premis mesti sentiasa bersih & teratur<br>d. Tidak mengganggu operasi rasmi premis kerajaan<br>e. Tidak menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang |

## SYARAT KHUSUS UNTUK KEDAI MAKAN DI PREMIS KERAJAAN

| BIL | PERKARA | BUTIRAN |
|---|---|---|
| **1.** | **Syarat Kebersihan & Kesihatan** | a. WAJIB mempunyai **Lesen Makanan** daripada PBT<br>b. WAJIB ada **Sijil Kursus Pengendalian Makanan**<br>c. WAJIB ada **pemeriksaan kesihatan** untuk pekerja<br>d. Kawasan dapur mesti mematuhi standard kebersihan<br>e. Tong sampah bertutup & pelupusan sisa makanan teratur<br>f. Tiada pembiakan serangga / tikus |
| **2.** | **Syarat Halal & Syariah** | a. Semua bahan mentah **halal** dan disahkan pembekal |

| BIL | PERKARA | BUTIRAN |
|---|---|---|
| | | b. Tidak menjual makanan/minuman yang meragukan<br>c. Tidak memainkan muzik yang tidak sesuai (jika dalam kawasan masjid)<br>d. Pekerja berpakaian sopan |
| **3.** | **Syarat Menu & Harga** | a. Menawarkan **Menu Rahmah** (jika ditetapkan)<br>b. Harga makanan **munasabah** dan tidak membebankan Jemaah<br>c. Menu sarapan & makan tengah hari wajib tersedia<br>d. Tidak menjual produk premium sahaja tanpa pilihan mampu milik |
| **4.** | **Syarat Operasi** | a. Waktu operasi selari dengan waktu pejabat / waktu solat<br>b. WAJIB tutup ketika azan & solat (jika dalam kawasan masjid)<br>c. Tidak membuat bising atau mengganggu Jemaah<br>d. Tidak memasak menggunakan bahan berbau kuat tanpa kawalan (contoh: belacan, ikan masin) |
| **5.** | **Syarat Keselamatan Dapur** | a. Menggunakan peralatan elektrik/gas yang selamat<br>b. Alat pemadam api (*fire extinguisher*) disediakan<br>c. Sistem pengudaraan & penyedut asap berfungsi<br>d. Tidak menyimpan tong gas berlebihan |
| **6.** | **Syarat Imej & Penjenamaan** | a. Nama kedai mesti sesuai dengan imej premis kerajaan<br>b. Tidak dibenarkan mempamerkan iklan yang tidak sopan<br>c. Pekerja perlu menjaga adab & layanan |